

08/03/2004

Air Terjun Langkawi catat rekod negara

LANGKAWI: Pulau peranginan ini memiliki satu lagi daya tarikan baru bagi pelancong berikutan siapnya pembinaan air terjun buatan manusia tertinggi negara di Jalan Datai di sini, semalam.

Pelancaran rasmi air terjun dengan ketinggian 66.92 meter itu dilakukan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, serentak selepas menamakannya sebagai 'Air Terjun Langkawi'.

Air terjun yang dibina dengan kos RM3 juta itu direka bentuk dan dibina oleh Gerbang Perdana Sdn Bhd (Gerbang Perdana) sebagai hadiah syarikat itu kepada penduduk pulau ini dan melambangkan kecintaan bekas Perdana Menteri terhadap rakyat dan negara ini.

"Saya berharap ia akan lebih mengindahkan Langkawi yang sememangnya sudah indah, sekali gus menarik lebih ramai pelancong ke pulau ini," katanya pada sidang akhbar selepas pelancarannya.

Hadir sama, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Kadir Sheikh Fadzir; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib; dan Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Pembangunan Koperasi Kedah, Datuk Md Hassan Bulat.

Selain itu, Pengerusi Gerbang Perdana, Tan Sri Razali Ismail; Pengerusi Barisan Nasional Langkawi, Tan Sri Sanusi Junid; Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi, Datuk Anwar Abdul Rahman; Pengarah Urusan Gerbang Perdana, Datuk Yahya A Jalil dan Tunku Puteri Johor, Tunku Puteri Kamariah Sultan Iskandar, turut hadir.

Air Terjun di Kilometer 8, Jalan Teluk Datai dekat sini, itu adalah ilham Dr Mahathir pada awal tahun lalu. Malah, beliau juga memilih sendiri lokasinya yang menghadap Laut Andaman.

Air Terjun Langkawi itu diiktiraf sebagai air terjun buatan manusia tertinggi negara oleh The Malaysia Book of Records pada majlis yang sama, mengatasi air terjun di Taman Gunung Lang di Ipoh yang mempunyai ketinggian 44.47 meter.

Kerja pembinaan air terjun, kolam takungan dan cerun bukit di sekitar air terjun itu bermula pada awal Ogos 2003 dan disempurnakan pada Februari lalu.

Struktur air terjun itu agak unik kerana ia mempunyai terowong jalan raya sepanjang 50 meter. Ia dibahagi kepada tiga aras yang mana aras pertama dan kedua dibina di atas terowong jalan raya dan aras ketiga adalah air yang mengalir di atas batu batan.

Batu batan yang digunakan, kolam takungan serta dinding terowong dan gua di atas air terjun turut dibina supaya ia bersepadu dengan keadaan semula jadi persekitaran bukit bukau di situ.

Tumbuh-tumbuhan yang ditanam di sekeliling air terjun itu pula dipilih supaya serasi dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi di cerun bukit berkenaan.